GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL EKSPORT *NON-GENETICALLY MODIFIED FOOD* (NON-GMF)

PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI JULAI 2022

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka surat
1.	Tujuan	3
2.	Syarat-syarat dan Kriteria Permohonan	3
3.	Permohonan	4
4.	Fi Sijil Eksport Non-GMF	5
5.	Tempoh Masa Pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF	6
6.	Tempoh Sah Laku Sijil Eksport Non-GMF	6
7.	Pemalsuan / Replikasi Eksport Non-GMF	9
8.	Tatatcara Penggunaan Sijil Eksport Non-GMF	7
9.	Pengecualian	7
10.	Lampiran 1 : Carta Alir Pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF untuk Produk Akhir	8
11.	Lampiran 2 : Carta Alir Pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF Berdasarkan Bahan Mentah	9

GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL EKSPORT *NON-GENETICALLY MODIFIED FOOD* (NON-GMF)

1. TUJUAN

1.1 Tujuan prosedur ini adalah untuk menguruskan tatacara pengeluaran Sijil Eksport *Non-Genetically Modified Food* (Non-GMF) bagi memastikan ianya berada pada standard yang ditetapkan dan mematuhi seperti yang diperlukan oleh negara pengimport.

1.2 Ia juga bagi menyeragamkan aspek teknikal permohonan dan prosedur pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF bagi produk makanan.

2. SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

2.1 Permohonan oleh syarikat yang berdaftar di negara ini:

a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana agensi yang berkaitan;
b) Premis pemprosesan berdaftar dengan KKM secara *online* melalui laman sesawang sistem *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) seperti berikut https://fosim.moh.gov.my; dan
c) Premis pemprosesan mempunyai lesen pengilangan atau kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau surat pengesahan daripada mana-mana agensi kerajaan.

2.2 Produk dikilang atau dibungkus atau empunya hak untuk mengilang atau membungkus atau ejen dan dihasilkan di Malaysia.

2.3 Premis pemprosesan untuk produk yang dieksport perlu **melaksanakan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)** sekurang-kurangnya pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

2.4 Pihak syarikat bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan produk **TIDAK** dieksport sebelum Sijil Eksport Non-GMF dikeluarkan.

2.5 Pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF berdasarkan keputusan analisis produk akhir bagi parameter GMF yang berkaitan dari Jabatan Kimia Malaysia yang mematuhi standard negara pengimport.

a) Pemohon diminta berhubung dengan Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan untuk urusan pensampelan kerana Jabatan Kimia Malaysia hanya menerima sampel yang diambil oleh pihak KKM.
b) Sampel yang diambil perlu dihantar oleh pemohon ke Jabatan Kimia Malaysia. Kos penghantaran ke Jabatan Kimia Malaysia dan kos analisis adalah ditanggung oleh pemohon.

2.6 Pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF berdasarkan analisis bahan mentah boleh diberikan dengan **kelulusan khas BKKM** sekiranya syarikat dapat memenuhi semua syarat berikut:

a) Keperluan / standard negara pengimport berkaitan bahan mentah yang terlibat dengan Non-GMF;
b) Kekerapan permohonan Sijil Eksport Non-GMF (sekurang-kurangnya 50 permohonan dalam setahun);
c) Melaksanakan sistem kebolehkesanan secara sistematik dengan menggunakan perisian (*software*); dan
d) Prosedur pensampelan bahan mentah adalah seperti di Klausa 2.6 di atas.

3. PERMOHONAN

3.1 Permohonan perlu dibuat secara atas talian melalui sistem FoSIM. Pemohon perlu mengisi permohonan dan memuatnaik dokumen berkaitan di dalam sistem FoSIM tersebut dengan lengkap.

3.2 Dokumen-dokumen yang perlu dimuatnaik bersama permohonan adalah seperti berikut :

a) Salinan pengakuan perbadanan syarikat persendirian (Borang 9 atau

13) daripada SSM atau mana-mana agensi yang berkaitan.

b) Sebarang dokumen yang membuktikan syarikat beroperasi dengan sah di premis pemohon dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti lesen pengilangan atau lesen perniagaan.

c) Salinan sijil atau slip pendaftaran premis daripada KKM.

d) Sijil Analisis dari Jabatan Kimia Malaysia bagi produk akhir.

e) Surat pengesahan “Tiada Penggunaan GMF” daripada pemohon.

f) Surat pengesahan “Tiada Penggunaan GMF” atau surat jaminan pada bahan mentah dari pembekal.

g) Salinan sijil PJKM seperti Hazard Analysis Critical and Control Point (HACCP) / *Good Manufacturing Practice* (GMP) / *Food Safety Management System* (FSMS) / MeSTI atau yang berkaitan dengannya.

3.3 Permohonan yang tidak lengkap akan dimaklumkan secara atas talian kepada pemohon untuk dilengkapkan.

3.4 Carta alir pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF adalah seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2.**

4. FI SIJIL EKSPORT NON-GMF

4.1 Bayaran fi untuk sijil adalah **RM350.00 / sijil**.

4.2 Satu sijil boleh mengandungi maksima **25 produk**.

a) Maklumat produk makanan boleh dicetak pada kedua-dua belah muka surat dalam satu sijil.

b) Sekiranya menggunakan muka surat belakang sijil, senarai produk terakhir perlu dicop dengan cop rasmi BKKM, KKM.

4.3 Bayaran fi perlu dibuat secara atas talian (*online*) mengikut tatacara kewangan (Arahan Perbendaharaan) seperti dalam sistem FoSIM.

4.4 Bayaran fi Sijil Eksport Non-GMF perlu dijelaskan bersama permohonan.

Bayaran fi tidak akan dikembalikan setelah permohonan diproses.

4.5 Sebarang pindaan kepada Sijil Eksport Non-GMF yang disebabkan oleh kesilapan pemohon atau di atas permintaan pihak/negara pengimport akan dikenakan fi seperti yang dinyatakan di 4.1. Sijil Eksport Non-GMF yang asal perlu dikembalikan semula ke BKKM, KKM sebelum Sijil Eksport Non-GMF yang baru dikeluarkan.

4.6 Sekiranya Sijil Eksport Non-GMF hilang, pihak pemohon perlu mengemukakan surat rasmi dan salinan laporan polis kepada BKKM, KKM semasa membuat permohonan gantian Sijil Eksport Non-GMF. Fi seperti yang dinyatakan di 4.1 akan dikenakan ke atas gantian Sijil Eksport Non-GMF.

5. TEMPOH MASA PENGELUARAN SIJIL EKSPORT NON-GMF

5.1 Tempoh pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF adalah tiga (3) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap berdasarkan keputusan pensampelan bahan mentah.

5.2 Tempoh pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF adalah 19 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap berdasarkan keputusan pensampelan produk akhir.

6. TEMPOH SAH LAKU SIJIL EKSPORT NON-GMF

6.1 Tiada tempoh sah laku bagi Sijil Eksport Non-GMF.

7. PEMALSUAN / REPLIKASI SIJIL EKSPORT *NON-GMF*

7.1 Pemohon tidak boleh memalsukan Sijil Eksport Non-GMF, mengubah maklumat dalam Sijil Eksport Non-GMF atau membuat replikasi Sijil Eksport Non-GMF.

7.2 Sijil Eksport Non-GMF adalah dokumen rasmi kerajaan. Pemalsuan

dokumen tertakluk di bawah Kesalahan Jenayah Kanun Keseksaan.

7.3 Kementerian Kesihatan Malaysia berhak membuat laporan polis atau mengenakan tindakan penggantungan / pembatalan Sijil Eksport Non-GMF ke atas mana-mana pihak yang memalsukan, mengubah maklumat atau membuat replikasi Sijil Eksport Non-GMF.

8. TATACARA PENGGUNAAN SIJIL EKSPORT NON-GMF

8.1 Sijil Eksport Non-GMF tidak boleh dipindah hak milik atau dijual beli.

8.2 Pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF bukan bermaksud bagi tujuan pameran atau pengiklanan.

8.3 Kementerian Kesihatan Malaysia berhak membuat laporan polis atau mengenakan tindakan penggantungan / pembatalan pengeluaran Sijil Eksport Non-GMF ke atas syarikat atau mana-mana pihak yang melakukan pemindahan hak milik Sijil Eksport Non-GMF kepada syarikat lain.

9. PENGECUALIAN

9.1 Pihak Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia boleh memberi kebenaran atau pengecualian ke atas garis panduan bagi kes-kes tertentu (*case by case*).

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL EKSPORT NON-GMF UNTUK PRODUK AKHIR



LAMPIRAN 2

CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL EKSPORT NON-GMF BERDASARKAN BAHAN MENTAH



GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL EKSPORT *NON-GENETICALLY MODIFIED FOOD* (NON-GMF)

PENGHARGAAN

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) ingin mengucapkan setingi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan garis panduan ini:

Penasihat
Pn. Norrani binti Eksan

Ketua Editor
Pn. Zuraini binti Adam

Ahli
Cik Roziaton binti Abdul Wahab
En. Kalidass a/l Murugan
Pn. Suzana binti Mustafa
Pn. Harlina binti Salehudin
Pn. Aainaa Mastura binti Abu Bakar
En. Cheah Wei Yan
Pn. Nur Ain binti Zulkaflin
Pn. Noraishah binti Kadir
Pn. Noorul Elysa binti Naznan
Cik Nor Shafawati binti Rosli

Turut Menyumbang
Semua Jabatan Kesihatan Negeri

Tarikh Kemaskini:
21 Julai 2022

Diterbitkan Oleh:
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 4, Menara Prisma
No. 26, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya

Tel. : 03-8885 0797
Faks : 03-8885 0790
http://fsq.moh.gov.my

“KESELAMATAN MAKANAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”